

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH :
SOALAN :

YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian boleh menyediakan kemudahan “Medic Conferencing” di antara doktor-doktor pakar yang berada di luar Labuan dengan pegawai perubatan di Labuan ataupun pendalaman dalam menentukan keadaan pesakit dan rawatan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Telekonsultasi merupakan pengembangan perkhidmatan doktor pakar perubatan. Penyediaan kemudahan perkhidmatan ini adalah dibuat mengikut keperluan dan perancangan setiap Ketua Perkhidmatan Disiplin dan juga Bahagian Perkembangan Perubatan. Perkhidmatan ini merangkumi empat (4) disiplin iaitu radiologi, kardiologi, neurosurgeri dan dermatologi

Buat masa ini, perkhidmatan Telekonsultasi antara doktor-doktor pakar dengan pegawai perubatan adalah hanya secara, dengan izin, ‘store & forward’ dan tidak melibatkan ‘real-time videoconferencing’

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mendapat maklumbalas dan cadangan dari Ketua Perkhidmatan Disiplin berhubung perluasan dan peningkatan perkhidmatan ini.

Pasa masa ini, senarai lokasi yang menawarkan perkhidmatan Telekonsultasi di Negeri Sabah adalah di Hospital Queen Elizabeth, Hospital Ranau, Hospital Keningau, Hospital Kudat, Hospital Sandakan, Hospital Beluran, Hospital Tawau dan Hospital Lahad Datu.

penerbangan awam, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika pengguna berdasarkan tahap perkhidmatan minimum (*minimum service level*) dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kod etika tersebut.

SOALAN (135)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) apakah sebab perumahan Kionsom Besar, Inanam di bawah pentadbiran Jabatan Perumahan Negara terbengkalai; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan perkara ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) Kiansom Besar merupakan projek di bawah PPR Bersepadu kendalian Jabatan Perumahan Negara (JPN). Namun begitu, PPR Kiansom Besar **lewat disiapkan** kerana kontraktor asal projek ini terpaksa ditamatkan kontraknya akibat kegagalan menyiapkan projek mengikut jadual.
- (b) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan melantik kontraktor baru untuk menyiapkan pelaksaaan projek ini. KPKT juga telah meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan projek dan dijangka siap pada 1 Julai 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016